

MEMPERKASA ZAKAT PERTANIAN SEBAGAI PELAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT MELAYU

Nuruul Hidayah Mansor
Akademi Pengajian Islam Kontemporari
UiTM Cawangan Negeri Sembilan
nuruuldayah@gmail.com

Asmak Ab Rahman,
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya

Nurzahidah Haji Jaafar
Akademi Pengajian Islam Kontemporari
UiTM Kampus Puncak Alam

ABSTRAK

Pengurusan zakat di Malaysia dilihat semakin berkembang positif dan sentiasa diperkemas dari semasa ke semasa. Pihak pengurusan zakat dengan kerjasama dari pelbagai pihak di samping pelbagai kajian penambahbaikan memberi impak yang besar kepada sistem dan pelaksanaan zakat. Ini termasuklah usaha untuk mempertingkatkan pengurusan zakat pertanian yang lebih cekap dan berkesan. Kutipan zakat pertanian di Malaysia hanya diterima melalui hasil tanaman padi yang merupakan bijirin sumber makanan asasi penduduk. Tanaman padi dilihat bukan sahaja menjadi tulang belakang ekonomi Negara malah merupakan sumber bagi menjana ekonomi bangsa melayu. Ini kerana bidang pertanian masih sinonim dengan bangsa melayu dan menurut perlembagaan Malaysia Perkara 160 (2), orang melayu mestilah beragama Islam. Oleh demikian, bangsa melayu yang dimaksudkan adalah petani melayu beragama Islam. Sehubungan itu, pemeraksanaan sistem kutipan zakat pertanian perlu diberi perhatian dan dilaksanakan secara berterusan agar dapat membantu meningkatkan sosioekonomi bangsa melayu di samping memastikan kelangsungan sumbangannya kepada dana zakat dan peningkatan ekonomi negara.

Kata kunci: Zakat Pertanian, Melayu dan Pelan Pemeraksanaan Zakat Pertanian

1. PENDAHULUAN

Zakat merupakan salah satu mekanisme yang turut berfungsi untuk membasmi kemiskinan, meningkatkan taraf kualiti hidup masyarakat Melayu Islam di Malaysia dan antara sektor yang memberi pulangan pendapatan kepada individu dan negara serta peningkatan sosioekonomi masyarakat di Malaysia melalui mekanisme kutipan dan agihan. Terdapat dua jenis zakat yang wajib dibayar iaitu zakat fitrah dan zakat harta. Zakat pertanian merupakan salah satu sumber yang diwajibkan zakat apabila telah menepati syarat-syaratnya iaitu pemiliknya Islam, pemilikannya sempurna, merdeka, cukup nisab/sukatan (Jabatan Wakaf, 2009). Justeru itu, kertas kerja ini cuba membincangkan beberapa aspek pelan tindakan memperkasa zakat pertanian yang perlu diambil perhatian bagi menjamin kelangsungan kutipan zakat pertanian di Malaysia meliputi persoalan memperluas sumber pertanian yang dikenakan zakat, pelarasan kadar nisab, pembayar zakat dan saluran pembayaran zakat pertanian.

2. AMALAN PELAKSANAAN ZAKAT PERTANIAN DI MALAYSIA

Sektor Pertanian di Malaysia merupakan satu sektor yang bersifat dinamik dan luas untuk diterokai. Ini kerana sektor pertanian juga merupakan sektor yang bersifat komersial dalam menghasilkan pendapatan di samping menjadi sumber bekalan makanan harian. Berdasarkan Jadual 1 menunjukkan bahawa guna tanah di Malaysia melibatkan pelbagai jenis tanaman yang merangkumi kawasan kebun, tanaman pokok, palma dan tanaman kekal lain, tanaman singkat masa dan kawasan ternakan (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, 2010).

Jadual 1: Guna Tanah Pertanian- Semenanjung Malaysia

Kategori Guna Tanah	Kawasan Perkebunan Horticulture Area	Pokok, Palma dan Tanaman Kekal Yang Lain Tree, Palm and Other Permanent Crops	Tanaman Singkat Masa Cash Crop	Kawasan Ternakan Livestock Area
Jenis Guna Tanah	Stesen pertanian Florikultur Perkebunan campur Sayur-sayuran Herba dan rempah ratus	Koko Kelapa Getah Kopi Kelapa sawit Pinang Rumbia Teh Dusun	Pisang Tanaman-tanaman lain Tanaman gentian Nanas Padi Rumput semaian Tembakau Tebu Betik Tembikai Tanaman umbisi	Akuakultur Ternakan ayam, Itik, babi dll Pastura/ ternakan Ruminan

Sumber: Jabatan Pertanian (2011). "Perangkaan Agromakanan 2011". Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia.

Walaupun terdapat pelbagai sumber tanaman dalam sektor pertanian, keseluruhan institusi zakat di Malaysia mengenakan zakat pertanian ke atas tanaman padi dengan berdasarkan kepada

pandangan dalam mazhab Syafie yang menjadi mazhab utama negara ini. Ini kerana menurut Syafie, hasil tanaman yang dikenakan zakat adalah hasil pertanian yang berbentuk makanan asasi dan mengenyangkan bagi sesebuah negeri. Berdasarkan jadual 1 padi termasuk dalam kategori tanaman singkat masa yang bermaksud produktiviti pengeluarannya boleh dikeluarkan dalam tempoh masa yang singkat disebabkan ia merupakan sumber bekalan makanan yang diperlukan secara harian oleh penduduk-penduduk di Malaysia. Walaupun hasil ternakan juga termasuk dalam kategori sektor pertanian, keseluruhan institusi zakat di Malaysia membuat pengelasan kutipan yang berbeza bagi dua kategori tersebut iaitu hasil padi dibayar untuk zakat pertanian dan hasil ternakan dibayar untuk zakat ternakan. Ia merujuk kepada jenis-jenis zakat yang telah disepakati ulama' di Malaysia bahawa zakat dikenakan ke atas dua jenis iaitu zakat fitrah dan zakat harta. Oleh itu, zakat pertanian dikategorikan sebagai salah satu kategori zakat harta dan dikenakan ke atas hasil tanaman padi yang telah cukup nisab 5 awsuq.

Manakala pelaksanaan dalam menentukankadar nisab 5 awsuq zakat pertanian pula didapati terdapat takrif dan timbangan yang berbeza bagi setiap institusi zakat di Malaysia. Nor Aini Ali (2013) mendapati perbezaan timbangan nisab setelah ditukar kepada ukuran gantang juga berbeza. Perbezaan bukan hanya dilihat melalui kadar gantang malah berlaku dalam penggunaan jenis gantang sama ada gantang Malaysia, gantang Melaka atau gantang Baghdad. Demikian juga menurut Nuruul Hidayah Mansor (2012) mendapati perbezaan kadar nisab ini berlaku kerana faktor alat timbangan padi yang digunakan di setiap negeri yang berbeza juga jenis padi yang dihasilkan juga berbeza. Faktor tiada pelarasan dalam menentukan kadar nisab zakat pertanian juga menjadi punca perbezaan kadar nisab berlaku di setiap negeri di Malaysia (Asmak Ab Rahman, et. al, 2009). Perbezaan timbangan kadar nisab zakat pertanian ke atas tanaman padi boleh dilihat berdasarkan Jadual 2.

Jadual 2 Kadar Nisab Zakat Pertanian (padi) di Malaysia

Negeri	Kadar Nisab (Gantang)	Kadar Nisab (kilogram)
Perlis	480	986.7
Kedah		1300.449
Pulau Pinang	363	1300
Perak	363	
Kuala Lumpur	363	
Selangor	363	1306
Negeri Sembilan	363	1306
Melaka	400 gantang Melaka	1300
Johor	358 1/3	816.75
Pahang	400	1000
Kelantan	375 gantang Malaysia/600 gantang Baghdad	875
Terengganu	600 gantang Baghdad	
Sabah		
Sarawak		1080

Sumber: Asmak Ab Rahman *et al.* (2009), "Analisis Kaedah Taksiran Zakat Pertanian di Malaysia" (Kertas Kerja Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan, 10-11 Februari 2009).
Nor Aini Ali, Luqman Abdullah (2013). "Isu-Isu Fiqh Semasa Berkaitan Zakat Pertanian Di Malaysia". Jurnal Syariah, Jil. 21, Bil. 3

Amalan pelaksanaan berkaitan pembayar zakat pula di dapati masih terdapat beberapa ketidakpastian tentang kewajipan ke atas pembayar zakat khususnya zakat keatas tanah pertanian yang disewakan. Bagi pemilik tanah pertanian yang mengusahakan sendiri tanah pertanian mereka, keseluruhannya memahami dengan jelas tentang tanggungjawab dan kewajipan mereka sendiri sebagai pemilik untuk membayar zakat pertanian. Namun, terdapat isu ketidakpastian terhadap kewajipan pembayaran berkaitan tanah yang disewakan sama ada zakat pertanian perlu dilaksanakan oleh pemilik tanah atau penyewa tanah yang mengeluarkan hasil pertanian dari tanah yang disewakan (Asmak Ab Rahman, et. al 2009).

Begitu juga dengan pelaksanaan berkaitan dengan kaedah taksiran zakat pertanian yang melibatkan tolakan pelbagai kos sebelum zakat dikeluarkan. Beberapa institusi zakat negeri di Malaysia mengambil kira tolakan kos seperti negeri Perlis yang membenarkan taksiran zakat pertanian (padi) dibuat dengan tolakan kos pengeluaran dan kos sara hidup. Ini bermakna zakat pertanian akan dikeluarkan berdasarkan kepada hasil bersih padi. Nor Aini Ali (2013) mendapati negeri Kedah dan Terengganu mengambil kira tolakan kos dalam penaksiran zakat pertanian bagi projek penanaman padi secara berkelompok atau mini estet. Di Kedah petani dibenarkan mengambil kira tolakan kos tanaman dan Terengganu pula diberi pilihan sama ada ingin membayar zakat pertanian pada kadar 5 peratus atau 10 peratus bergantung kepada kos yang dikeluarkan oleh petani.

Selain itu, terdapat perbezaan dalam amalan pelaksanaan saluran pembayaran zakat pertanian di setiap negeri di Malaysia sama ada zakat pertanian akan disalurkan melalui amil, institusi zakat ataupun terus secara langsung kepada asnaf yang dikenali. Menurut Nuruul Hidayah Mansor (2012) faktor kepelbagaian amalan ini disebabkan oleh amalan yang menjadi tradisi dalam kalangan petani untuk menaksir sendiri zakat dan seterusnya membuat pilihan sendiri untuk membuat pembayaran melalui amil, institusi zakat atau terus diagih kepada asnaf. Ini kerana apa yang lebih penting bagi mereka adalah melaksanakan kewajipan membayar zakat daripada memikirkan isu melalui siapa zakat hendak disalurkan.

3. SEKTOR PERTANIAN DAN MELAYU

Masyarakat melayu dan kegiatan pertanian dilihat sesuatu yang tidak dapat dipisahkan. Penerokaan ke atas Tanah Melayu di awal pembentukan Tanah Melayu memberi gambaran jelas bahawa aktiviti pertanian telah lama diusahakan malah sebatian dengan masyarakat melayu. Malahan masyarakat Melayu sendiri percaya bahawa "berbudi pada tanah tidak akan membawa rugi". Ini kerana hakikat sebenar perusahaan tanah pertanian boleh memberi keuntungan yang besar kepada pemilik dan pengusahanya sama ada untuk memenuhi keperluan bekalan makanan sendiri atau untuk tujuan pengembangan harta melalui perniagaan. Perlembagaan Malaysia dalam Perkara 160 (2) mengistilahkan seseorang melayu itu mestilah beragama Islam. Maka wajarlah sector pertanian ini dimajukan untuk memastikan peningkatan taraf hidup dan kualiti hidup masyarakat melayu serta secara tidak langsung menggalakkan lagi pengembangan dalam kutipan zakat pertanian. Ini kerana kesan daripada sejarah pelaksanaan Dasar Pecah dan Perintah yang diperkenalkan oleh British memberi impak yang besar kepada masyarakat melayu yang rata-ratanya mengusahakan aktiviti pertanian. Dasar yang diperkenalkan menyebabkan jurang ekonomi masyarakat melayu dengan bukan melayu menjadi luas kesan daripada penumpuan dan peralihan sektor ekonomi negara sedangkan sector pertanian merupakan sektor primer dalam pembangunan ekonomi negara.

Walaupun bagaimanapun bidang pertanian di Malaysia berhadapan dengan masalah ketiadaan peserta dan tidak ramai yang berminat untuk menceburi bidang pertanian. Bidang ini tidak menjadi pilihan mungkin disebabkan oleh persepsi masyarakat bahawa bidang pengeluaran makanan dan amalan pertanian seringkali dikaitkan dengan penduduk luar bandar dan kemiskinan sedangkan persepsi ini timbul kerana masyarakat tidak dapat melihat faedah bidang pertanian yang sebenarnya begitu besar. Oleh demikian masyarakat perlu disedarkan bahawa bidang pertanian mempunyai faedah yang sangat tinggi apatah lagi bagi masyarakat Islam yang memerlukan barangan halal. Seharusnya peluang untuk masyarakat Melayu untuk memajukan sektor pertanian sangat luas kerana Malaysia mempunyai penduduk majoriti dari kalangan orang Melayu Islam malah amalan pertanian juga bukanlah sesuatu yang asing dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia. Aktiviti pertanian amat dituntut dalam agama Islam kerana tanpa pertanian maka tiadalah makanan yang akhirnya akan menjejaskan umat. Tujuan hidup manusia bukan sahaja untuk memelihara alam ini tetapi juga untuk memakmurkannya. Oleh itu, tanah serta sumber-sumber alam yang lain juga perlu dimanfaatkan dengan bijak untuk kesejahteraan manusia.

Maka strategi dan usaha untuk mengubah persepsi masyarakat terhadap imej pertanian dalam kalangan masyarakat Melayu khususnya perlu bermula dari peringkat awal lagi. Oleh itu, bidang pendidikan dilihat antara mekanisme yang utama untuk mengubah persepsi masyarakat terhadap bidang pertanian yang sering dikaitkan dengan kemiskinan. Selain itu, mahasiswa universiti juga perlu didedahkan dengan bidang pertanian kerana mereka boleh memilih bidang pertanian sebagai salah satu pilihan kerjaya yang berpotensi tinggi pada masa kini dan akan datang. Selain itu, aktiviti pertanian secara kecil-kecilan bagi setiap isi rumah perlu digalakkan sebagai satu gaya hidup yang dapat menerapkan budaya berjimat cermat, berusaha untuk memperolehi makanan yang bersih dan baik serta mengelak dari mengambil sumber makanan yang berkemungkinan besar mengandungi unsur kimia.

4. PELAN MEMPERKASA ZAKAT PERTANIAN

Hasil kutipan zakat pertanian merupakan antara hasil yang akan diagihkan kepada asnaf yang berkelayakan. Pelan memperkasa zakat pertanian merupakan satu aspek yang penting perlu diambil perhatian supaya ia selaras dengan keperluan semasa yang berlaku dalam sektor pertanian di Malaysia. Ini kerana sektor pertanian merupakan sektor primer dalam pengeluaran dan pembangunan negara. Malah sektor ini menjadi sumber pendapatan utama bagi sesetengah individu yang bergantung penuh kepada hasil pertanian mereka termasuklah pengusaha sawah padi. Oleh demikian pelan memperkasa zakat pertanian bukan hanya berfungsi untuk menambahbaik sistem dan pengurusan zakat pertanian di institusi-institusi zakat malah menjadi pelan tindakan dalam meningkatkan kualiti hidup para petani Melayu di Malaysia khususnya kerana Islam sangat mengambil berat hal berkaitan keseimbangan ekonomi dan keadilan social di samping mengurangkan perbezaan dan jurang ekonomi antara masyarakat Melayu dengan bukan Melayu. Semua pihak yang terlibat berperanan untuk bersama-sama melaksanakan pelan-pelan tindakan memperkasa zakat pertanian di Malaysia agar pelaksanaannya dapat berjalan dengan berkesan dan menyeluruh.

4.1 PERANAN INSTITUSI FATWA

4.1.1 Memperluas Sumber dalam Zakat Pertanian

Ulama-ulama Fiqh berbeza pendapat dalam menentukan sumber-sumber pertanian yang diwajibkan zakat. Ini kerana nas-nas berkaitan kewajipan zakat pertanian bersifat umum dan tidak mengkhususkan jenis-jenis tanaman yang dikenakan zakat pertanian. Asasnya terdapat 4 perbezaan pendapat yang dijelaskan melalui Jadual 3.

Jadual 3 Ciri dan Jenis Tanaman Yang Dikenakan Zakat

Pandangan	Ciri Tanaman Dikenakan Zakat	Contoh Jenis Tanaman
Ibn Abi Laila, Sufyan al-Thauri dan Ibn al-Mubarak ¹ , Ibn al-Mundzair Ibn 'Abd al-Bar dan Abu 'Ubaid ²	Empat jenis bijirin dan buah-buahan yang menjadi makanan utama sahaja	Gandum, barli, tamar dan zabib (kismis)
Imam Mali ³ dan Imam Syafi'i ⁴	Makanan utama yang mengenyangkan dan boleh disimpan lama	Gandum, barli, jagung, padi dan seumpamanya yang mengikut kebiasaan setempat
Ahmad Ibn Hanbal ⁵	Hasil tanaman yang boleh dikeringkan, disimpan lama dan disukat	Gandum, barli, jagung, padi, kacang peas, kacang putih, rempah seperti jintan dan cengkih
Abu Hanifah ⁶ , Abu Yusuf	Apa sahaja yang dihasilkan daripada bumi sama ada banyak atau sedikit	Semua makanan atau rumput rampai

Pandangan Imam Abu Hanifah dilihat relevan untuk diaplikasikan di Malaysia pada masa kini. Ini kerana sumber kekayaan hasil pertanian tidak terhad kepada jenis tanaman yang tertentu sahaja dan iaturut disokong oleh Qardawi yang menyatakan bahawa pengembangan sumber hasil pertanian untuk dizakatakan bertepatan dengan al-Quran dan al-Sunnah serta seiring dengan hikmah pensyariatkan zakat itu sendiri. Ia juga untuk memastikan keadilan bagi pembayar-pembayar zakat yang mengusahakan pelbagai jenis tanaman dan menjadi termasuklah tumbuhan hijau seperti sayur-sayuran dan buah-buahan (Mohamad Zaim, 2013). Asmak Ab Rahman, Pazim@Fadzim Othmank (2005) juga berpendapat hasil tanaman di Malaysia selain padi dilihat turut memberikan hasil yang lebih berbanding padi sehingga boleh mendatangkan kekayaan kepada pengusahanya.

¹ Muhammad bin Rashid al-Qurtubi (1982), *Bidayah al-Mujtahid wa al-Nihayatu al-Muqtasid, Kitab al-Zakat*, Jil. 1, Beirut: Dar al-Ma'rifah, h. 253.

² Ibn Qudamah (t.t), *al-Mughni, Kitab al-Zakah, Bab al-Zakah wa al-Zuru` wa al-Thimar*, Jil. 4, Riyad: Dar `Alim al-Kutub, h. 154.

³ al-Dusuqi, Muhammad bin Ahmad (1996), *Khasyiah al-Dusuqi*, Jil. 2, Beirut: Dar al-Ma'rifah, h. 30.

⁴ Al-Khaṭīb al-Syarbīnī (1997), *Mughni al-Muhtaj*, Jil. 1, Beirut: Dar al-Ma'rifah, h. 565.

⁵ Ibn Qudamah (t.t), *op. cit*, h.155.

⁶ Al-Kasani (1998), *Bada' i' al-Sana' i'*, Jil. 2, Lubnan: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, hh.178-179.

Berdasarkan Jadual 4 sumber yang diperolehi dari perangkaan Agromakanan Kementerian Pertanian dan Industri asasi Tani menunjukkan penggunaan per kapita komoditi makanan utama masyarakat Malaysia untuk kategori tanaman bukan sahaja tertumpu kepada padi yang menjadi makanan asasi malah makanan seperti buah-buahan dan sayur-sayuran juga merupakan makanan penting yang diambil secara harian bagi memenuhi keperluan diri untuk menjaga kesihatan diri seperti yang digariskan melalui panduan piramid makanan. Pengambilan purata buah-buahan dalam kalangan masyarakat Malaysia iaitu masing-masing sebanyak 93.2kg melebihi pengambilan beras (padi) sebanyak 79.3 kilogram dan sayur-sayuran 55.3 kilogram untuk tahun 2011 dan 93.0 kilogram buah-buahan, 79.6 kilogram beras dan 54.7 kilogram sayur-sayuran untuk tahun 2010.

Jadual 4 Penggunaan Per Kapita Komoditi Makanan Utama 2010-2011

Komoditi	Tahun	
	2010	2011
Tanaman (kg/Tahun)		
Beras	79.6	79.3
Sayur-sayuran	54.7	55.3
Buah-buahan	93.0	93.2
Ternakan (kg/Tahun)		
Daging lembu/kerbau	5.6	5.7
Daging kambing/Biri-biri	0.8	0.8
Daging Babi ⁷	19.9	20.0
Daging Ayam/Itik	35.0	35.3
Telur Ayam/Itik	16.2	16.4
Susu	47.5	48.1
Ikan makanan (kg/Tahun)	45.5	46.4

Sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Asasi Tani Malaysia (2011), "Perangkaan-Agro Makanan 2011", Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Asasi Tani Malaysia.

Maka adalah relevan sekiranya zakat pertanian turut dikenakan ke atas tanaman pertanian lain seperti buah-buahan yang turut menjadi makanan utama bagi masyarakat Malaysia. Demikian juga apabila kajian mendapati terdapat kesediaan dalam kalangan masyarakat untuk membayar zakat pertanian daripada hasil yang diiktiraf (sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Wayidi, (2006). Walaubagaimanapun Mohamad Zaim et. al (2013) berpendapat klasifikasi jenis tanaman perlu dilakukan untuk membezakan zakat yang akan dikenakan ke atas tanaman yang diusahakan untuk tujuan perniagaan untuk memastikan kefahaman yang jelas tentang kewajipan zakat pertanian atau zakat perniagaan. Ia secara tidak langsung dapat menggalakkan kepelbagaian sumber tanaman untuk sektor pertanian dalam kalangan masyarakat Melayu dan meningkatkan jumlah kutipan zakat di institusi-institusi zakat di Malaysia. Ini kerana bukan semua negeri di Malaysia mempunyai kawasan tanah pertanian sawah seperti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kepelbagaian sumber tanaman ini dapat mempelbagaikan lagi dan melestarikan institusi zakat melalui zakat pertanian.

⁷ Berdasarkan kepada 40 peratus bilangan penduduk Bukan Islam

4.1.2 Mewartakan Fatwa Zakat Tanaman

Di Malaysia semua undang-undang yang berkaitan dengan fatwa digubal oleh kerajaan-kerajaan negeri yang dipertanggungjawabkan ke atas Majlis Agama Islam Negeri untuk menguatkuasakan sesuatu fatwa. Oleh demikian semua masyarakat Islam bertanggungjawab untuk mematuhi sesuatu fatwa yang telah diwartakan. Walaupun terdapat beberapa negeri yang mempunyai fatwa khusus berkaitan dengan zakat pertanian seperti Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Kelantan dan Terengganu tetapi hanya Selangor yang mempunyai fatwa Zakat Pertanian yang diwartakan (Nor Aini, 2013). Perkara ini adalah penting untuk memberi pendedahan dan kefahaman yang jelas dalam kalangan petani malah keseluruhan masyarakat berkaitan dengan kaedah dan tuntutan sebenar pembayaran zakat pertanian. Fatwa yang diwartakan juga memberi penjelasan bahawa perhatianturut diberi kepada golongan-golongan petani dengan mengambilkira isu dan persoalan semasa yang timbul dalam kalangan petani di samping dapat meningkatkan lagi kesediaan untuk membayar zakat pertanian dalam kalangan petani di Malaysia.

4.2 PERANAN ISNTITUSI ZAKAT

4.2.1 Membuat Pelarasan Zakat Pertanian

Pelarasan zakat pertanian merupakan satu langkah penting yang perlu dilakukan oleh institusi zakat untuk memastikan kelangsungan dalam kutipan zakat pertanian di samping menjelaskan betapa pentingnya sektor pertanian dalam membangunkan taraf hidup seseorang. Kaedah rundingan bersama yang melibatkan institusi zakat, institusi fatwa, ahli akademik dan petani sendiri penting untuk memastikan institusi zakat adalah antara institusi ekonomi Islam yang kukuh dan berdaya saing.

Pelarasan dalam kaedah taksiran zakat pertanian di Malaysia perlu dilakukan kerana hikmah disebalik penaksiran zakat adalah untuk membolehkan pemilik tanah pertanian menjalankan aktiviti pertanian mereka mengikut kesesuaian kehendak dan keperluan semasa. Ia juga satu usaha untuk meningkatkan kualiti hidup para petani yang hakikatnya dikaitkan dengan kumpulan masyarakat yang miskin disebabkan oleh perubahan trend perbelanjaan pada masa kini. Oleh demikian, usaha ini perlu disokong oleh pelarasan zakat pertanian supaya hikmah sebenar pembayaran zakat pertanian tercapai. Oleh demikian, pelarasan dalam menaksir zakat pertanian dengan tolakan kos perlu diaplikasi oleh institusi zakat di Malaysia walaupun terdapat beberapa pendapat tolakan ini akan menyebabkan berlaku bocoran dalam jumlah kutipan. walaubagaimanapun jika dilihat dari sudut yang berbeza, tolakan ini menjelaskan bahawa Islam itu sentiasa bersifat adil untuk setiap individu kerana zakat sendiri adalah sumbangan agihan semula pendapatan dari orang kaya kepada orang miskin. Maka, pelarasan ini bertujuan untuk memastikan hanya petani yang benar-benar layak sahaja perlu mengeluarkan zakat pertanian.

Penaksiran zakat pertanian dengan mengambilkira tolakan kos dilihat wajar dilakukan pada masa kini. Ini kerana peningkatan dalam jumlah perbelanjaan untuk keperluan asas dan hutang setiap individu adalah berbeza. Demi menjaga kemaslahatan petani melayu di Malaysia, maka wajarlah tolakan kos dipertimbangkan dalam menaksir zakat pertanian sepertimana taksiran zakat pendapatan. Institusi zakat berperanan menentukan item-item perbelanjaan yang bersesuaian untuk diletakkan dalam manual kiraan zakat pertanian seperti yang diamalkan oleh Pusat Zakat negeri Perlis dalam Jadual 5.

Jadual 5: Kaedah Taksiran Zakat Pertanian Negeri Perlis

Perkara	Debit RM	Kredit RM
A) Pendapatan (1 Musim)		XXXX
i) Hasil Jualan Padi	XXX	
ii) Perolehan Subsidi harga padi	XXX	
iii) Insentif-insentif pelbagai	XX	
B) Perbelanjaan		
B(1)Kos Pengeluaran Tanaman		XXX
i) Input bahan pertanian	XX	
ii) Tenaga Kerja	XX	
iii) Kos-kos lain	XX	
B(2) Kos Sara Hidup		XXX
i) Diri sendiri	XX	
ii) Isteri	XX	
iii) Anak	XX	
iv) Perbelanjaan ibubapa	XX	
v) Caruman Tabung Haji	XX	
vi) Hutang Dharuriyyah	XX	
Kediaman		
Kenderaan		
C) Pendapatan Bersih (A – B)		XXXX
D) Jumlah Zakat Yang Dibayar (Kadar Zakat X C)		XX

Sumber: a) Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (2001), Panduan Mengeluarkan Zakat, Kangar: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, hh.21-22 dan 29-30.

Penaksiran zakat pertanian di negeri Perlis mengambilkira tolakan kos tanaman dan kos sara hidup. Tolakan kos ini secara tidak langsung dapat menggalakkan lagi petani untuk berusaha meningkatkan lagi produktiviti hasil padi bagi membolehkan mereka untuk bersedia menjadi penyumbang dalam zakat pertanian selain mengurangkan rasa terbeban para petani dengan pembayaran zakat. Tolakan kos tanaman wajar diambilkira kerana perbelanjaan ke atas kos-kos tanaman dan pengeluaran pada masa kini yang semakin meningkat yang memerlukan kepada perbelanjaan baja, racun perosak, peralatan yang lebih berkualiti, bayaran tenaga kerja dan lain-lain. Begitu juga dengan kos sara hidup kerana jumlah perbelanjaan kos sara hidup setiap individu adalah berbeza. Namun item bagi kos sara hidup juga perlu diselaraskan dengan mengambilkira perbelanjaan untuk keperluan isi rumah dan hutang keperluan asas (dharuriyyat).

Jadual 6 Item Perbelanjaan Bulanan Purata Setiap Isi Rumah, Malaysia

Item kumpulan perbelanjaan
Makanan dan minuman bukan alcohol
Minuman alcohol dan tembakau ⁸
Pakaian dan kasut
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain
Hiasan, perkakasan, dan penyelenggaraan isi rumah
Kesihatan
Pengangkutan
Komunikasi
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan
Pendidikan
Restoran dan hotel
Pelbagai barang dan perkhidmatan

Jadual 6 menunjukkan terdapat 12 item perbelanjaan utama bagi setiap isi rumah di Malaysia. Walaubagaimanapun, item-item tersebut boleh diklasifikasikan sebagai keperluan asas yang utama dan bukan utama seperti berikut untuk memastikan agar keperluan utama sahaja yang didahulukan untuk kiraan tolakan hutang keperluan dharuriyyat:

- a) *Kumpulan perbelanjaan keperluan asas utama*: terdiri daripada perbelanjaan makanan dan minuman bukan alcohol, pakaian dan kasut, perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api, kesihatan, pengangkutan, komunikasi dan pendidikan
- b) *Kumpulan perbelanjaan keperluan asas bukan utama*; terdiri daripada perbelanjaan untuk perhiasan, perkakasan dan penyelenggaraan rumah, perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan, restoran dan hotel dan pelbagai barang dan perkhidmatan lain yang utama.

Manakala dalam isu pembayar zakat pula, pengusaha sawah padi yang mengusahakan tanah pemilikannya sendiri sedia maklum tentang kewajipan membayar zakat. Walaubagaimanapun terdapat perbezaan pendapat berkaitan dengan kewajipan membayar zakat ke atas tanah yang disewakan sama ada perlu dibayar oleh pemilik tanah atau penyewa tanah yang merupakan pemilik hasil pertanian. Ibn Rusdy dan Qaradawi bersetuju bahawa kedua-dua pemilik wajib membayar zakat. Kaedah ini dilihat sesuai digunapakai di Malaysia kerana bertepatan dengan prinsip keadilan dan toleransi untuk kedua-dua pihak. Wajarlah sekiranya pelarasan dibuat oleh institusi-institusi zakat di Malaysia supaya kedua-dua pemilik mengeluarkan zakat dan apa yang boleh dibezakan adalah taksiran zakat bagi kedua-duanya sepertimana berikut (Mohamad Zaim et.al, (2013):

⁸ Perbelanjaan yang tidak diambilkira dalam penaksiran Zakat Pertanian

- a) *Zakat ke atas pemilik tanah*: wajib membayar zakat daripada hasil sewa yang diperolehi daripada penyewa yang mengusahakan tanah dan tanaman serta hasil sewa tersebut cukup nisab dengan kadar 5 peratus atau 10 peratus selepas mengambilkira tolakan kos hutang dan perbelanjaan sara hidup (al-Qardawi)
- b) *Zakat ke atas penyewa*: wajib membayar zakat daripada hasil bersih yang melebihi nisab iaitu dengan mengambilkira tolakan ke atas perbelanjaan sewa tanah dan kos-kos pembiayaan pertanian dengan kadar 5 peratus atau 10 peratus.

Demikian pula dalam konteks saluran pembayaran zakat pertanian. Walaupun tiada nas qat'i yang mewajibkan zakat dibayar kepada amil yang dilantik atau terus kepada badan institusi zakat, namun kajian melihat ia adalah satu langkah positif dalam mengawasi keadilan dalam pengurusan agihan zakat dan perkembangan kutipan zakat sendiri. Langkah-langkah yang progresif dari pihak institusi zakat sangat memainkan peranan yang penting untuk menggalakkan pengusaha pertanian untuk menyalurkan zakat pertanian mereka kepada institusi zakat yang dilantik. Ini kerana kakitangan dan amil-amil di institusi zakat dipercayai merupakan kakitangan terlatih yang mempunyai kepakaran dalam bidang zakat. Inisiatif seperti penyediaan kaunter-kaunter bergerak, mini kaunter, kiosk zakat mengikut musim tuaian padi boleh dilaksanakan supaya proses pembayaran zakat menjadi lebih mudah. Pembayaran melalui institusi zakat juga dapat mengukuhkan lagi institusi ekonomi Islam disamping dapat meningkatkan martabat dan kedudukan ekonomi orang Melayu di Malaysia. Wajarliah pelarasan dalam kaedah saluran pembayaran juga turut dilakukan untuk memastikan agihan zakat disalurkan kepada asnaf yang selayaknya.

4.2.2 Mengukuh Kedudukan Institusi Zakat

Institusi zakat berperanan untuk meningkatkan kedudukannya sebaris dengan institusi-institusi kewangan yang lain di Malaysia. Penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang berterusan dan pengurusan yang cekap dalam kalangan kakitangan institusi zakat dapat memastikan survival institusi zakat kekal berdaya saing di samping melaksanakan objektif zakat itu sendiri. Kempen mempromosi daya saing pengurusan di institusi zakat merupakan antara usaha yang perlu diadakan untuk memperkukuh kedudukan institusi-institusi zakat di Malaysia. Program bersama rakyat dan pertemuan terbuka turut perlu diadakan secara berterusan untuk memastikan penambahbaikan dapat dibuat dari semasa ke semasa bersesuaian dengan keperluan semasa. Walaubagaimanapun, sokongan dan kerjasama dari masyarakat sendiri turut memainkan peranan penting untuk menggerakkan institusi zakat di Malaysia. Kesediaan masyarakat dapat memastikan survival ekonomi Melayu juga ditingkatkan kerana penyertaan dan penglibatan orang ramai dalam program-program zakat dapat membawa kepada pelbagai pencapaian matlamat untuk semua pihak sama ada dari pihak individu, keluarga, institusi, masyarakat atau negara.

4.3 PERANAN PEMBAYAR ZAKAT (PETANI MELAYU)

4.3.1 Inisiatif Peningkatan Produktiviti Padi Melalui Inovasi

Inovasi merupakan ramuan utama untuk menambah produktiviti yang akan meningkatkan daya saing ekonomi. Para petani haruslah berusaha membentuk persekitaran yang menggalakkan inovasi dengan mengambil peluang-peluang yang ada untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti hasil padi

sama ada melalui program latihan, penyediaan kemudahan infrastruktur dan bahan, sokongan pelaburan, khidmat nasihat dan peluang pendidikan. Pendidikan dipercayai antara mekanisme terbaik untuk membangunkan sektor pertanian melalui percambahan idea-idea baru dan kelahiran pakar-pakar di dalam bidang pertanian.

Penyertaan petani Melayu dalam program-program pembangunan sektor padi sangat digalakkan kerana hasil padi merupakan sumber bekalan makanan utama bagi masyarakat Malaysia malah berdasarkan sumber dari Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani penggunaan beras dijangka meningkat pada tahun 2020 disebabkan oleh pertambahan penduduk dan secara tidak langsung meningkatkan permintaan ke atas pengeluaran padi. Peningkatan dalam permintaan didorong oleh faktor perubahan citarasa pengguna yang mula cenderung kepada penggunaan beras yang bermutu tinggi seperti beras wangi dan penggunaan produk berasaskan beras seperti bihin, bijirin dan tepung beras. Ia secara tidak langsung membuka ruang dan peluang kepada pengusaha padi untuk menghasilkan padi dan beras yang berkualiti tinggi. Oleh demikian para petani perlu membuka minda dan sentiasa berusaha ke arah usaha untuk mengembangkan perusahaan pertanian mereka supaya lebih menjurus ke arah pertanian komersial dan berdaya saing. Penggunaan peralatan moden berteknologi tinggi masa kini, penyediaan bahan-bahan input pertanian bermutu tinggi dan kepelbagaian projek sawah padi dapat meningkatkan produktiviti pengeluaran hasil padi dan membawa peningkatan kepada sumber pendapatan petani dan seterusnya turut meningkatkan jumlah kutipan dalam zakat pertanian di Malaysia.

4.3.2 Kesediaan Dan Kepercayaan Terhadap Institusi Zakat

Memang tidak dinafikan bahawa saluran pembayaran zakat dibenarkan sama ada melalui institusi zakat atau terus kepada asnaf yang dikenalpasti layak menerima zakat. Namun demikian, tindakan individu membayar terus kepada asnaf turut mengakibatkan jumlah kutipan di institusi zakat akan berkurangan dan seterusnya menyebabkan berlakunya bocoran dalam kutipan zakat. Ia memberi kesan sehingga memperlihatkan seolah-olah institusi ekonomi Islam merupakan institusi yang lemah dan sukar berdaya saing. Demikian juga dengan agihan zakat sehingga sukar untuk dilaksanakan secara menyeluruh akibat kebocoran dalam hasil kutipan zakat.

Selain zakat dibayar dalam bentuk kewangan, pelbagai bentuk agihan lain turut boleh diberikan kepada asnaf seperti bantuan perubatan, pendidikan, keusahawanan, keagamaan dan kecemasan (Patmawati, 2007). Ini kerana ukuran kemiskinan adalah merupakan satu perkara yang sangat subjektif dan tidak lari dari pertimbangan nilai. Secara umumnya konsep kemiskinan boleh dibahagikan kepada dua iaitu kemiskinan mutlak⁹ dan kemiskinan relatif¹⁰. Asnaf zakat boleh dikategorikan sebagai asnaf yang produktif dan tidak produktif¹¹. Asnaf yang produktif adalah asnaf yang masih mampu berusaha

⁹Kemiskinan mutlak adalah merupakan satu konsep yang menggunakan ukuran yang standard bagi membuat perbandingan tentang keperluan asasi manusia. Pendekatan yang biasa digunakan ialah dari segi pemakanan atau pendekatan biologi yang menjelaskan hubungan antara keperluan minimum bagi mengekalkan kecekapan fizikal atau bagi memenuhi keperluan asas manusia. Kemiskinan mutlak yang digunakan di Malaysia diukur dengan membuat perbandingan antara pendapatan kumpulan isi rumah dengan satu tahap yang dipanggil pendapatan garis kemiskinan (PGK).

¹⁰Konsep kemiskinan relatif mempunyai hubungan kait dengan ketidaksamaan dalam agihan pendapatan. Di mana penilaian terhadap kebajikan seseorang adalah juga bergantung kepada kebajikan orang lain yang dijadikan sebagai perbandingan.

¹¹*Ibid.*

melakukan pekerjaan. Manakala asnaf yang tidak mampu bekerja seperti berusia lanjut, mempunyai masalah kesihatan, kecacatan kekal dan sebagainya dikenali sebagai asnaf yang tidak produktif. Ini menunjukkan bahawa tidak semestinya semua individu atau keluarga yang dilihat miskin adalah memenuhi kriteria miskin tidak produktif. Oleh itu, kepercayaan, keyakinan dan kesediaan yang tinggi untuk menyalurkan pembayaran zakat kepada institusi zakat perlu dipandang dari sudut yang positif kerana kakitangan-kakitangan di institusi zakat merupakan kakitangan yang terlatih dan mempunyai kepakaran dalam bidang zakat dan akan bertanggungjawab untuk memastikan pengurusan agihan akan dilakukan secara efisien dan menyeluruh mengikut keperluan semasa.

5. KESIMPULAN

Persoalan keadilan dan kesamarataan dalam menikmati kehidupan sangat penting bagi sesebuah negara yang masyarakatnya terdiri dari pelbagai etnik, budaya dan agama termasuklah Malaysia. Ia dianggap penting untuk memastikan segala keperluan hidup bagi setiap masyarakat dipenuhi secara adil dan saksama kerana rata-rata masyarakat Melayu lebih mendominasi sektor pertanian. Oleh demikian tumpuan kepada sektor pertanian untuk meningkatkan kualiti hidup pengusaha tanah pertanian secara tidak langsung turut memberi kesan kepada usaha membangunkan zakat pertanian semasa. Fungsi zakat selain untuk menyucikan diri dan harta, ia turut merupakan ibadah yang merangkumi sistem kewangan, ekonomi, politik, sosial dan agama bagi sesebuah negara Islam. Semua persoalan zakat perlu difahami dengan lebih mendalam kerana setiap isu dan persoalan memerlukan pendekatan dan pemahaman yang berbeza kerana kewajipan membayar zakat adalah perkara yang tidak boleh dipertikaikan. Pelarasan dalam zakat pertanian dapat memastikan pengurusan zakat menjadi lebih cekap, efisien dan menyeluruh di samping turut membantu meningkatkan kualiti hidup masyarakat Melayu di Malaysia

RUJUKAN

- Abdul Halim Mohd Noor (2006). "Asas Sumber-Sumber Zakat Di Malaysia: Satu Penerokaan". Laporan Akhir Penyelidikan, Uitm
- Abdulhassan Muhammad Sadeq (2003), *Pembangunan Ekonomi Dalam Islam*, Rohani Sulaiman (terj.), Petaling Jaya: Pelanduk Publication (M) Sdn. Bhd
- Abu 'Ubayd, Al-Qasim bin Salam (1988), *Kitab al-Amwa'*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Afzal Ur Rahman (1980), *Economic Doctrines of Islam*, Lahore, Pakistan: Islamic Publications Limited.
- Ahmad Mahdzan Ayob (1983), *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi: Satu Pengenalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Kasani (1998), *Bada'i' al-Sana'i'*, Jil. 2. Lubnan: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Khaṭīb al-Syarbini (1997), *Mughni al-Muhtaj, Bab al-Zakah al-Nabah*, Jil. 1. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Al-Khaṭīb, Muhammad al-Syarbini (1958), *Mughni al-Muhtajila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, Jil.1, Mesir: Syarikah Mustafa al-Bab al-Halabi.

Al-Muti'i, Muhammad Najib, (t.t), *Taklimat al-Majmu' Syarh al-Mahadhab*, Jil. 5, Qaherah: Matba'ah al-Imam.

Al-Nasa'i (1992), *Sunan al-Nasa'i*, ed. 2, Jil. 5, Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Al-Nawawi (1983), *Sahih Muslim*, Jil. 5. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Qaradawi, Yusuf (1969), *Fiqh al-Zakah*, Beirut: Dar al-Irsyad.

Al-Syafi'i (2001), *al-Umm, Kitab al-Zakah, Bab Tafri' Zakah al-Khunta*, Jil.3, Beirut: Dar al-Wafa' Littiba'ah wa al-Nasr wa al-Tauzi'.

Arifin Bin Md. Salleh Masturah Ma'in ,Abdullah Haji Said

Asmak Ab Rahman (2006), "Kepentingan Ekonomi Pertanian Dari Perspektif Islam dan Amalannya Di Kalangan Pesawah Padi di Selangor", *Jurnal Syariah*, Jil. 14 Bil. 1, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Asmak Ab Rahman dan Joni Tamkin Borhan (2005), "Isu Dalam Kutipan Zakat Pertanian: Kajian di Selangor" dalam Abdullah Alwi Hj. Hassan *et.al, Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Asmak Ab Rahman dan Pazim@Fadzim Othman (2005), "Kaedah Taksiran Zakat Padi dan Kesannya Terhadap Petani: Kajian di Selangor", *Jurnal Syariah*, Jil. 13. Bil. 1., Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Asmak Ab Rahman *et al.* (2009), "Analisis Kaedah Taksiran Zakat Pertanian di Malaysia" (Kertas Kerja Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan, 10-11 Februari 2009).

Baitulmal Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, <http://maip.perlis.gov.my/akses> pada 10 Oktober 2014.

Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Mohd Ali Mohd Noor (2005), "Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin" Pascasidang Seminar Ekonomi & Kewangan Islam, Kuala Lumpur: Univision Press Sdn. Bhd.

Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Radiah Abdul Kader (2009), "Pengagihan zakat oleh institusi zakat kepada lapan asnaf: Kajian di Malaysia" Kertas Kerja di Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan 2009 (SEIPK09), 10-11 Februari 2009 di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Hasan Bahrom dan Ezani Yaakub (2006), *Pengurusan Zakat Semasa*, Shah Alam: Pusat Penerbit Universiti (UPENA) Universiti Teknologi Mara.

<http://www.kpkt.gov.my/>

Jabatan Pertanian <http://www.doa.gov.my/>, akses pada 01 November 2014.

Kementerian Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan, <http://www.kpdnkk.gov.my/>, akses pada 30 Oktober 2014

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (2008), *Perangkaan Pertanian 2008*, Putrajaya: Unit Pengurusan Maklumat dan Statistik Jabatan Pertanian, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (2009), *Perangkaan-Agro Makanan 2009*, Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Asas Tani Malaysia.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, <http://apps.moa.my/>, akses pada 01 November 2014

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, <http://www.mada.gov.my> akses pada 01 November 2014

Lembaga Zakat Selangor, <http://web.e-zakat.com.my/baru>, akses pada 01 November 2014

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), <http://www.maiwp.gov.my/> akses pada 01 November 2014

Muhammad Ibn Isma'il, al-Bukhari(t.t), *al-Jami' al-Sahih, Kitab al-Zakah, Bab Laisa Fima Duna Khamsati Ausuqin Sadaqah*, Jil. 1, Qaherah: Matba'ah al-Salafiyah.

Mujaini Tarimin (1990), *Zakat Pertanian: Sistem Dan Pelaksanannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka

Nuruul Hidayah Mansor (2012). "Analisis Perbandingan Kaedah Pembayaran Zakat Tanaman:Kajian di Negeri Selangor dan Perlis". Disertasi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Patmawati Hj Ibrahim (2007), "Peranan Agihan Zakat Dalam Meningkatkan Tahap Ekonomi Ummah", (Kertas kerja dibentangkan dalam Konvensyen Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan 2007 di PWTC, Kuala Lumpur pada 22-24 Mei 2007.

Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor, <http://pertanian.selangor.gov.my/>

Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid (2005), "Sumber Zakat: Perluasan Terhadap Harta Yang Diikhtilaf", *Jurnal Syariah*, Jil. 13, Bil.1, hh.135-162.

Sanep Ahmad dan Harunnizam Wahid (2004), "Persepsi dan Kesedaran Terhadap Perluasan Sumber Zakat Harta Yang Diikhtilaf", (Kertas Kerja Seminar Halatuju Zakat Korporat Di Alaf Baru, 7-8 Julai 2004) anjuran Kumpulan Kajian Zakat Fakulti Pengajian IslamUKM.

Sanep Ahmad dan Harunnizam Wahid (2008), "Potensi dan Cabaran Terhadap Perluasan Sumber Zakat Sektor Pertanian" , *JurnalManajemen dan Bisnis*, Jil 12, Bil, 1, hh. 66-76.

Surtahman Kastin Hassan *et al.* (1997), *Sektor Pertanian Ke Arah Pembentukan Negara Perindustrian*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

